

Rabu, 20 Mei 2020 | 1:37pm



EFFENDI memotong ayam di kedai memproses ayam Shamsul Bokhari Abdul Ghani di Kampung Solok Duku, Masjid Tanah, Alor Gajah. (Foto/Hassan Omar)

Harga ayam standard catat penurunan

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

ALOR GAJAH: Sehari selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengumumkan Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 11 barang kawalan bagi Aidilfitri, harga ayam standard hari ini mencatatkan penurunan.

Jika semalam ayam standard, iaitu ayam yang disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, dan hati dijual kebanyakan peniaga di sekitar Masjid Tanah, dekat sini pada harga RM8.50 sekilogram, hari ini ia turun kepada RM7.50.

Harga sejajar dengan harga maksimum ayam standard mengikut skim itu yang berkuat kuasa hari ini hingga 3 Jun ini.

Tinjauan di Pasar Awam Masjid Tanah dan beberapa kedai memproses ayam di sekitar Masjid Tanah, hari ini mendapati kebanyakan peniaga menetapkan harga ayam standard RM7.50 sekilogram berasaskan harga maksimum yang diumumkan kementerian itu semalam.

Peniaga ayam di Kampung Solok Duku, Masjid Tanah, Shamsul Bokhari Abdul Ghani, 55, berkata harga itu berasaskan harga ayam di ladang ditawarkan penternak.

"Ayam untuk hari ini datang (dijual penternak) pada harga lebih rendah berbanding semalam dan sudah tentu kami jual runcit pada harga rendah RM7.50 sekilogram berbanding RM8.50 semalam.

"Kami bukan sengaja menaikkan harga ayam standard, sebaliknya kami jual runcit berasaskan harga ayam di ladang ditawarkan penternak.

"Jika harga tinggi, kami terpaksa jual tinggi dan begitu juga sebaliknya," katanya ketika ditemui di kedainya.

Peniaga ayam di Pasar Awam Masjid Tanah yang hanya ingin dikenali sebagai Amin berkata, peruncit tidak akan sesuka hati menaikkan harga ayam, sebaliknya ia harus berdasarkan harga ayam di ladang.

"Skim harga maksimum itu mampu mengurangkan kenaikan harga ayam berterusan tetapi pelanggan tidak boleh menyalahkan peruncit jika harga melambung kerana harga dipengaruhi oleh faktor permintaan dan penawaran," katanya.

Sementara itu, harga daging hari ini tidak berubah berbanding semalam, iaitu RM34 sekilogram dan ia menepati SHMMP.

Peniaga daging di Pasar Awam Masjid Tanah, Roslan Mohamad, 52, berkata tiada sebab peruncit menaikkan harga daging kerana bekalan daging ditawarkan penternak lembu tidak naik.

"Jika naikkan harga, kami tidak ada pilihan selain terpaksa berbuat perkara sama, tetapi Insya-Allah sehingga Aidilfitri, harga akan kekal," katanya.



ROSLAN menjual daging pada harga RM34 sekilogram di Pasar Awam Masjid Tanah, Alor Gajah.
(Foto/Hassan Omar)

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/690984/harga-ayam-standard-catat-penurunan>

BH
ONLINE